

# MAJLIS PENYAMPAIANUGERAH KECERMELANGAN PENDIDIKAN ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM) KE-28

[airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3868-majlis-penyampaianugerah-kecermelangan-pendidikan-angkatan-tentera-malaysia-atm-ke-28](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3868-majlis-penyampaianugerah-kecermelangan-pendidikan-angkatan-tentera-malaysia-atm-ke-28)

KUALA LUMPUR, 6 Sept 18 – Panglima Tentera Udara, YBhg Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM telah menghadiri Majlis Penyampaian Anugerah Kecemerlangan Pendidikan ATM ke-28 di Auditorium Wisma Pertahanan, di sini hari ini.

Anugerah ini disampaikan oleh Menteri Pertahanan, YB Tuan Hj Mohamad Sabu kepada 505 anak-anak warga Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang cemerlang bagi tahun 2017 dalam pelajaran. Penerima membawa pulang sijil penghargaan dan cek mengikut kadar pencapaian pendidikan masing-masing.

Anugerah tersebut disampaikan kepada mereka yang cemerlang dalam peperiksaan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan berjaya melanjutkan pelajaran ke Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) pada tahun lepas.

Turut hadir adalah Panglima Angkatan Tentera, YBhg Jen Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Zulkifli bin Hj Zainal Abidin, Panglima-panglima Perkhidmatan, pegawai-pegawai Kanan tentera dan kementerian, ibu bapa penerima Anugerah Kecermelangan Pendidikan ATM ke-28.

